

ZAKAT DAN KESEJAHTERAAN: ANALISIS LITERATUR KE ARAH PEMBANGUNAN KERANGKA INDEKS MUSTAHIK

ZAKAT AND WELL-BEING: A LITERATURE ANALYSIS TOWARDS THE DEVELOPMENT OF A MUSTAHIK WELL-BEING INDEX FRAMEWORK

Hamizah Muhammad^{1*}

Azarudin Awang²

Juliana Arifin³

Nazli Amirri Ngah⁴

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun, 23000 Sura Hujung, Dungun, Terengganu (E-mail: hamizahmuhammad@uitm.edu.my)

² Azarudin Awang: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun, 23000 Sura Hujung, Dungun, Terengganu (E-mail: azaru154@uitm.edu.my)

³ Faculty of Business Management, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu (julianaarifin@unisza.edu.my)

⁴ Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM), Pusat Pentadbiran Islam Terengganu, Kompleks Seri Iman, Jalan Sultan Mohamad, 20159 Kuala Terengganu, Terengganu (nazli.amirri@maidamtrg.gov.my)

*Corresponding author: hamizahmuhammad@uitm.edu.my

Article history

Received date : 2-12-2025

Revised date : 3-12-2025

Accepted date : 24-12-2025

Published date : 28-1-2026

To cite this document:

Muhammad, H., Awang, A., Arifin, J., & Ngah, N. A. (2026). Zakat dan kesejahteraan: Analisis literatur ke arah pembangunan kerangka indeks mustahik. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (80), 428 – 436.

Abstrak: Kesejahteraan merujuk kepada penilaian sendiri individu terhadap kebahagiaan, kepuasan hidup, kualiti kehidupan serta kesejahteraan kewangan. Dalam konteks Islam, aspek ini turut diperkuatkan melalui pelaksanaan zakat yang berperanan sebagai mekanisme agihan semula kekayaan dan perlindungan sosial. Tinjauan literatur mendapati bahawa kajian mengenai kesejahteraan telah dilakukan secara meluas, merangkumi pelbagai perspektif seperti psikologi, sosioekonomi dan spiritual. Begitu juga, terdapat banyak kajian berkaitan zakat dari sudut kutipan, agihan dan impaknya terhadap masyarakat. Namun begitu, kajian yang secara khusus meneliti kesejahteraan dalam kalangan penerima zakat (mustahik) masih terhad. Lebih-lebih lagi, kajian yang mengupas kesejahteraan secara holistik dan berteraskan prinsip maqasid syariah dalam kalangan mustahik hampir tidak diketengahkan. Kajian literatur yang dianalisis menunjukkan bahawa aspek kesejahteraan penerima zakat boleh dikelompokkan kepada beberapa domain utama seperti kesejahteraan spiritual, kesejahteraan kewangan, ketahanan diri, kebahagiaan dan kualiti hidup. Namun, kesemua domain ini masih belum digabungkan dalam satu kerangka kesejahteraan yang komprehensif untuk golongan penerima zakat. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis kajian-kajian terdahulu berkaitan kesejahteraan dan zakat, serta mengemukakan rasional dan keperluan terhadap pembangunan satu kerangka indeks kesejahteraan khusus bagi golongan mustahik. Kajian ini juga menyeru kepada penyelidikan lanjut yang lebih bersifat praktikal dan aplikatif

dalam usaha memperkasa kesejahteraan komuniti melalui pengurusan zakat yang lebih berstrategi dan berimpak.

Kata Kunci: Zakat, Kesejahteraan, Mustahik, Indeks Kesejahteraan

Abstract: *Well-being refers to an individual's self-assessment of happiness, life satisfaction, quality of life, and financial stability. In the Islamic context, this aspect is further strengthened through the implementation of zakat, which serves as a mechanism for wealth redistribution and social protection. A review of the literature reveals that studies on well-being have been widely conducted across various perspectives, including psychological, socio-economic, and spiritual dimensions. Likewise, numerous studies on zakat have explored aspects such as collection, distribution, and its impact on society. However, studies that specifically examine the well-being of zakat recipients (mustahik) remain limited. More critically, there is a notable absence of research that explores the holistic well-being of mustahik based on the principles of Maqasid Shariah. The literature reviewed indicates that the well-being of zakat recipients can be categorized into several core domains, including spiritual well-being, financial well-being, self-resilience, happiness, and quality of life. Nevertheless, these domains have yet to be integrated into a comprehensive well-being framework tailored specifically for zakat recipients. Therefore, this paper aims to analyse previous studies related to both well-being and zakat, and to propose the rationale and need for developing a specific well-being index framework for the mustahik group. This study also highlights the need for further research that is more practical and applicable, especially in empowering community well-being through more strategic and impactful zakat management.*

Keywords: Zakat, Well-Being, Zakat Recipient, Well-Being Index

Pendahuluan

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan dan berperanan sebagai instrumen pengagihan semula kekayaan serta kebajikan sosial dalam kalangan masyarakat Muslim. Agihan zakat merupakan aspek penting dalam tuntutan agama Islam kerana ia bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan, meningkatkan kualiti hidup golongan yang kurang berkemampuan serta memupuk semangat ukhuwah dan solidariti sesama umat Islam (Muhammad, Jalil, Arifin, Muhammad & Muda, 2024; Hakim et al., 2020). Zakat bukan sekadar sumbangan yang bersifat sukarela, derma, cukai atau bentuk kemurahan hati semata-mata daripada pembayar zakat, bahkan ia merupakan ketetapan Allah SWT yang merangkumi semua unsur tersebut dan mempunyai hikmah besar dalam menyucikan harta, menstabilkan ekonomi serta meningkatkan kesejahteraan ummah (Hallieyana & Nur Ain, 2023).

Menurut ajaran Islam, dana zakat wajib diagihkan kepada lapan golongan yang berhak menerimanya, dikenali sebagai asnaf, seperti yang dinyatakan dalam al-Quran (Sutrisno & Haron, 2022; Hakim et al., 2020). Golongan ini merangkumi fakir, miskin, amil (petugas zakat), muallaf (yang dilunakkan hatinya), hamba yang ingin memerdekan diri, orang yang berhutang, mereka yang berjuang di jalan Allah, dan musafir yang kehabisan bekalan. Tujuan utama agihan zakat ini adalah untuk mengurangkan jurang pendapatan, menyediakan bantuan kewangan kepada yang memerlukan serta memberdayakan individu agar lebih berdikari dan mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial masyarakat Islam secara keseluruhan (Hakim et al., 2020; Khumaini et al., 2023).

Melalui pengagihan zakat yang menyeluruh dan berkesan, bukan sahaja kemiskinan dapat dikurangkan, malah kesejahteraan diri penerima zakat juga dapat dipertingkatkan (Kato et al., 2018; Mahmud & Khalid, 2021). Tambahan pula, sokongan kewangan daripada zakat dapat memberi ruang kepada penerima untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pendidikan, perubatan dan tempat tinggal yang lebih baik, dan semua ini menjadi elemen penting dalam kerangka kesejahteraan hidup menurut pendekatan Maqasid Syariah (Chapra, 2008; Dusuki & Bouheraoua, 2011). Dalam konteks spiritual, zakat juga berperanan sebagai asbab ketenangan jiwa dan pengukuhan hubungan dengan Allah SWT kerana ia merupakan hak yang telah ditetapkan untuk golongan tertentu (asnaf). Oleh itu, pengagihan zakat yang tersusun bukan sahaja menampung keperluan material, bahkan mampu menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan diri secara menyeluruh, sejajar dengan matlamat pembangunan ummah secara holistik (Hasan & Abdullah, 2018; Khumaini et al., 2023).

Sorotan Literatur

Kajian tentang Kesejahteraan

Kajian-kajian berkaitan kesejahteraan telah dijalankan oleh penyelidik terdahulu merangkumi pelbagai bidang. Konsep kesejahteraan mempunyai pelbagai pengertian bergantung kepada perspektif individu masing-masing. Pandangan dan persepsi ini wujud berdasarkan pengalaman, penilaian dan harapan seseorang terhadap perjalanan hidup mereka. Selain itu, proses sosialisasi, persekitaran dan budaya juga mempengaruhi pandangan serta persepsi manusia dalam kehidupan mereka (Nik Shahrizan, Marzudi & Muhammad Shamsinor, 2020).

Kesejahteraan boleh difahami sebagai satu bentuk ukuran kualiti hidup yang dinilai secara psikologi atau dalaman, melibatkan beberapa dimensi seperti kebahagiaan, kepuasan hidup, harga diri, kecekapan diri, kehidupan berkeluarga, pekerjaan, pendidikan dan kewangan (Ummi, Mansor, Wan Shahzinda & Wan Suraya, 2016). Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) telah mula digunakan secara rasmi oleh pihak pentadbiran bermula tahun 2012, menggantikan konsep asal kualiti hidup yang sebelum ini menggunakan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) sebagai penunjuk utama dalam mengira tahap sosioekonomi penduduk di Malaysia (Unit Perancang Ekonomi, 2013).

Bagi IKRM, kesejahteraan merujuk kepada pelbagai manfaat yang diperoleh dan dinikmati sama ada secara langsung atau tidak langsung serta menyumbang kepada kepuasan hidup individu, keluarga dan masyarakat.

Sebagai contoh, kajian oleh Nur Najmin dan Azlina (2021) meneliti kesejahteraan sosioekonomi komuniti nelayan di Endau, Mersing, Johor. Menggunakan kaedah kuantitatif, sebanyak 55 set soal selidik diedarkan kepada kumpulan sasaran. Hasil kajian mendapati bahawa kesejahteraan sosioekonomi komuniti nelayan bergantung kepada elemen keluarga, agama dan kejayaan.

Sementara itu, Ummi et al. (2016) mengkaji kesejahteraan pelajar universiti awam dengan menggabungkan empat indikator daripada IKRM 2012 dan lima indikator dari domain kesejahteraan sosial. Kajian terhadap pelajar di lapan buah universiti awam mendapati bahawa indeks kesejahteraan pelajar berada pada tahap sederhana.

Nik Shahrizan et al. (2020) pula mengkaji faktor kesejahteraan subjektif dalam kalangan peserta mikro-kredit Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) di kawasan Selangor dan Kuala Lumpur Tengah.

Indeks kesejahteraan subjektif yang digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 13 penunjuk yang diadaptasi daripada pelbagai indeks tempatan dan antarabangsa. Secara keseluruhan, analisis menunjukkan bahawa status kewangan atau pendapatan dan taraf hidup serta tahap kesihatan peserta program AIM adalah antara faktor yang paling memberi kesan dalam meningkatkan kesejahteraan subjektif mereka. Walaupun terdapat data mengenai kesejahteraan masyarakat umum di Malaysia dan juga di Terengganu, namun setakat ini, kesejahteraan dalam kalangan penerima zakat masih belum diketahui.

Dalam ajaran Islam, konsep zakat atau sedekah wajib memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesejahteraan golongan yang kurang bernasib baik (Choiriyah et al., 2020). Zakat bukan sekadar transaksi kewangan, malah merupakan amalan spiritual yang mencerminkan nilai kasih sayang dan tanggungjawab sosial yang menjadi inti kepada ajaran Islam. Menurut Sumai et al. (2019) dan Sutrisno dan Haron (2022), kesejahteraan penerima zakat merupakan aspek penting yang perlu dipertimbangkan, kerana ia melibatkan kesan material dan emosi terhadap kehidupan golongan yang sepatutnya menerima manfaat daripada kewajipan agama ini.

Kajian Berkaitan Zakat

Sebagai satu bentuk sumbangan amal wajib, zakat telah menjadi prinsip utama dalam doktrin Islam selama berabad-abad, dengan objektif utamanya ialah pengagihan semula kekayaan dan peningkatan kesejahteraan masyarakat, seterusnya mencapai kesaksamaan sosioekonomi dan kesejahteraan menyeluruh umat Islam.

Zakat juga berperanan membersihkan harta pemberi zakat, sambil menangani ketidakseimbangan dan memberikan bantuan kepada golongan yang memerlukan (Razali et al., 2022; Mohsin, 2020). Menurut ulama klasik Ibn Taymiyyah, zakat bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan moral dan spiritual pemberi zakat, malah menyumbang kepada kebajikan keseluruhan penerimanya.

Kesan zakat dapat dirasai bukan sahaja oleh mereka yang menunaikannya, malah oleh penerima zakat yang kehidupannya berubah secara positif (Riyaldi et al., 2020). Kepentingan zakat dalam Islam terletak pada sifat dua dimensinya iaitu sebagai ibadah, yang menunjukkan ketaatan kepada Allah melalui pemberian harta kepada yang memerlukan, serta sebagai alat mengukuhkan perpaduan sosial dan keharmonian masyarakat (Sawmar & Mohammed, 2021).

Oleh itu, tujuan utama zakat bukan sekadar memberi bantuan sementara, tetapi untuk meningkatkan kesejahteraan jangka panjang bagi golongan kurang berkemampuan melalui pendekatan yang menekankan kepada pemberdayaan dan kecukupan diri (Mohsin, 2020; Hakim et al., 2020).

Terdapat banyak kajian lepas berkaitan zakat yang dijalankan dari pelbagai aspek, contohnya tentang pengurusan zakat, pengagihan zakat, kesedaran membayar zakat dan faktor yang mendorong pembayar zakat (Hallieyana & Nur Ain, 2023).

Kajian tentang zakat dan kesejahteraan komuniti juga telah dijalankan, contohnya oleh Mohammad Sabri dan Riki (2016) serta Fatimah (2021). Fatimah (2021) berpandangan bahawa kesejahteraan penerima zakat merupakan penunjuk kejayaan institusi zakat. Kajian beliau menetapkan indikator ini sebagai alat pengukur untuk menilai keberkesanan pengurusan zakat oleh institusi zakat.

Dengan menggunakan Indeks Zakat Nasional (IZN), prestasi zakat dinilai berdasarkan sejauh mana dana zakat yang diagihkan dapat meningkatkan kesejahteraan penerima zakat (BAZNAS, 2016). Sementara itu, kajian Mohammad Sabri dan Riki (2016) mendapati terdapat hubungan antara pengagihan zakat, kesejahteraan komuniti dan Maqasid Syariah, di mana pengagihan zakat memenuhi kehendak maqasid syariah dan pada masa yang sama meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Selain itu, beberapa penyelidik berpandangan bahawa pengagihan zakat kepada golongan asnaf fakir dan miskin perlu mengambil kira masalah sebenar yang dihadapi supaya dana zakat benar-benar dapat membantu mereka. Sebagai contoh, kajian oleh Syarifah et al. (2019) mendapati bahawa punca kemiskinan dan kefakiran dalam kalangan asnaf di Kedah adalah berkait rapat dengan masalah kewangan, kesihatan, konflik keluarga, sumber pendapatan dan pekerjaan, kekurangan kemahiran serta ketiadaan aset. Maka, cabaran yang dihadapi golongan ini merupakan masalah yang kompleks.

Kesejahteraan merupakan satu konstruk pelbagai dimensi yang merangkumi keadaan fizikal, mental, sosial dan spiritual seseorang secara menyeluruh. Dalam konteks penerima zakat, satu kerangka konseptual kesejahteraan yang komprehensif perlu mengambil kira keperluan dan keadaan unik golongan ini. Satu pendekatan yang sesuai untuk memahami kesejahteraan penerima zakat ialah melalui perspektif holistik yang selari dengan konsep '*flourishing*' iaitu kesihatan mental yang positif, keupayaan mengejar matlamat yang bermakna, dan kualiti hidup yang memuaskan (Loveridge et al., 2020).

Selain daripada peranannya sebagai kewajipan agama, zakat juga merupakan alat penting dalam memelihara kebajikan sosial dan pemberdayaan ekonomi dalam kerangka Islam. Pada teras sistem zakat ialah *Maqasid Syariah*, iaitu objektif tertinggi dalam undang-undang Islam yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran semua individu dalam masyarakat (Kurnia et al., 2020). Oleh itu, kerangka ini mengiktiraf bahawa kesejahteraan bukan semata-mata ketiadaan masalah, tetapi suatu keadaan berkembang dan berfungsi secara optimum. Justeru, kajian ini penting untuk meneroka indeks kesejahteraan dalam kalangan fakir dan miskin, agar keperluan mereka dapat dikenal pasti secara jelas untuk merangka bentuk bantuan yang paling sesuai dan berkesan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif berbentuk analisis dokumen dan kajian literatur sistematik, dengan tujuan untuk menelusuri dan menganalisis secara mendalam dapatan-dapatan terdahulu berkaitan kesejahteraan dan zakat, khususnya dalam kalangan penerima zakat (*mustahik*). Kaedah ini dipilih bagi mengenal pasti jurang pengetahuan sedia ada serta membina asas yang kukuh ke arah pembangunan satu kerangka indeks kesejahteraan *mustahik* yang bersifat holistik dan berpaksikan *maqasid syariah*. Kajian literatur ini melibatkan analisis kandungan terhadap artikel jurnal, laporan institusi zakat, dokumen dasar serta sumber ilmiah yang relevan dari pelbagai pangkalan data seperti Scopus, Google Scholar, MyCite dan DOAJ, berdasarkan tema utama kesejahteraan, zakat dan maqasid syariah (Booth et al., 2016; Xiao & Watson, 2019). Teknik sintesis tematik digunakan untuk mengenal pasti domain kesejahteraan yang sering dikaitkan dengan penerima zakat seperti kesejahteraan spiritual, kewangan, ketahanan sendiri, kebahagiaan dan kualiti hidup, sekaligus menilai tahap integrasi domain tersebut dalam kajian-kajian sedia ada. Pendekatan ini juga membolehkan penyelidik mengenal pasti pola, kecenderungan dan kekangan dalam literatur berkaitan. Kajian ini bersifat eksploratori dan bersandarkan logik induktif, sejajar dengan cadangan Merriam dan

Tisdell (2016) yang menekankan nilai kajian kualitatif dalam membina pemahaman konseptual terhadap fenomena sosial yang kompleks.

Dapatan dan Perbincangan

Sorotan literatur mendapati bahawa konsep kesejahteraan telah dikaji secara meluas merentasi pelbagai disiplin, antaranya psikologi, sosioekonomi dan spiritual. Kesejahteraan lazimnya diukur secara subjektif melalui dimensi dalaman seperti kebahagiaan, kepuasan hidup, harga diri dan kecekapan sendiri, serta dimensi luaran seperti pendidikan, pekerjaan, dan pendapatan (Ummi et al., 2016; Nik Shahrizan et al., 2020). Penubuhan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) turut memperlihatkan kesungguhan pihak kerajaan dalam menilai tahap kesejahteraan rakyat secara lebih menyeluruh, menggantikan pendekatan sebelumnya iaitu Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) (Unit Perancang Ekonomi, 2013).

Namun begitu, dapatan kajian seperti oleh Nur Najmin dan Azlina (2021) menunjukkan bahawa elemen seperti kekuatan institusi keluarga, agama dan pencapaian hidup memainkan peranan penting dalam membentuk kesejahteraan sosioekonomi masyarakat luar bandar. Dalam kalangan pelajar universiti pula, Ummi et al. (2016) mendapati kesejahteraan berada pada tahap sederhana, sekali gus menunjukkan keperluan intervensi dalam aspek sosial dan emosi. Sementara itu, Nik Shahrizan et al. (2020) menegaskan bahawa status kewangan dan tahap kesihatan merupakan antara penentu utama kepada kesejahteraan subjektif dalam kalangan peserta mikro-kredit AIM.

Walaupun kajian-kajian tersebut memberi gambaran menyeluruh terhadap kesejahteraan masyarakat umum, namun jurang utama yang dikenalpasti ialah ketiadaan dapatan khusus berkenaan kesejahteraan penerima zakat (*mustahik*). Hal ini menunjukkan bahawa kumpulan asnaf ini masih belum mendapat perhatian yang mencukupi dari sudut pengukuran kesejahteraan mereka, terutamanya dalam kerangka Islam yang berpaksikan *maqasid syariah*.

Dalam kajian berasingan berkaitan zakat pula, literatur menegaskan bahawa zakat bukan hanya bersifat kewangan tetapi merangkumi fungsi spiritual, sosial dan ekonomi. Zakat mampu memberi impak jangka panjang kepada penerima jika dilaksanakan dengan pendekatan pembangunan sendiri dan pemerikasaan ekonomi (Mohsin, 2020; Hakim et al., 2020). Kajian oleh Fatimah (2021) menggunakan Indeks Zakat Nasional (IZN) bagi menilai keberkesanan institusi zakat dalam meningkatkan kesejahteraan mustahik. Kajian Mohammad Sabri dan Riki (2016) pula menunjukkan wujud hubungan erat antara agihan zakat, kesejahteraan komuniti dan pencapaian *maqasid syariah*.

Tambahan pula, kajian oleh Syarifah et al. (2019) menggariskan bahawa masalah kemiskinan dan kelemahan asnaf bukan sahaja berpunca daripada faktor ekonomi, tetapi turut melibatkan konflik keluarga, tahap kesihatan, kekurangan kemahiran dan ketiadaan aset, dan ini menjadikan masalah mereka bersifat kompleks dan pelbagai dimensi. Sehubungan itu, dapatan-dapatan literatur ini menyokong keperluan kepada pembangunan satu kerangka indeks kesejahteraan yang komprehensif dan berteraskan Islam, khusus bagi penerima zakat. Pendekatan holistik yang selari dengan konsep '*flourishing*' seperti yang dikemukakan oleh Loveridge et al. (2020) boleh dijadikan panduan dalam membina kerangka yang menekankan pembangunan psikososial, spiritual dan ekonomi mustahik. Maka, kajian seterusnya perlu memberi fokus kepada pengukuran kesejahteraan mustahik berdasarkan prinsip *maqasid syariah* secara menyeluruh dan sistematik.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa walaupun kajian kesejahteraan telah dilaksanakan secara meluas merangkumi pelbagai kumpulan dan dimensi, namun kajian yang memberi fokus khusus terhadap kesejahteraan dalam kalangan penerima zakat (*mustahik*) masih amat terhad. Malah, pendekatan holistik yang menggabungkan aspek spiritual, kewangan, ketahanan diri, kebahagiaan dan kualiti hidup berlandaskan prinsip *maqasid syariah* hampir tidak diketengahkan secara menyeluruh dalam mana-mana kajian terdahulu. Begitu juga dalam kajian berkaitan zakat, tumpuan lebih banyak diberikan kepada aspek pengurusan, kutipan dan agihan berbanding impak sebenar terhadap kesejahteraan *mustahik*. Oleh itu, dapatan ini mengukuhkan justifikasi terhadap keperluan untuk membangunkan satu kerangka indeks kesejahteraan yang komprehensif dan bersifat Islamik bagi golongan penerima zakat, sebagai usaha memperkasa komuniti asnaf ke arah kesejahteraan yang lestari.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas pembiayaan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental - Penyelidik Awal Kerjaya (FRGS-EC) (FRGS-EC/1/2024/SS01/UITM/02/42).

Rujukan

- Booth, A., Sutton, A., & Papaioannou, D. (2016). *Systematic Approaches to a Successful Literature Review*. Sage.
- Chapra, M. U. (2008). *The Islamic vision of development in the light of Maqasid al-Shariah*. Islamic Research and Training Institute.
- Choiriyah, E. A. N., Kafi, A., Hikmah, I. F., & Indrawan, I. W. (2020). Zakat and poverty alleviation in Indonesia: A panel analysis at provincial level. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 6(4). Bank Indonesia. <https://doi.org/10.21098/jimf.v6i4.1122>
- Dusuki, A. W., & Bouheraoua, S. (2011). The framework of Maqasid al-Shari'ah and its implication for Islamic finance. *Islamic Finance: Principles and Practices*, 1–12
- Fatimah, N. (2021). Kesejahteraan dalam pandangan penerima zakat: Studi Kasus Lazismu Kabupaten Magelang. Tesis Sarjana: Universitas Islam Indonesia.
- Hakim, M. R., Susanti, L., & Kholidah, N. (2020). Ziswaf Collection Strategy on LAZISMU X, Indonesia. In *Proceedings of the 1st Borobudur International Symposium on Humanities, Economics and Social Sciences (BIS-HESS 2019)*. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.200529.098>
- Hallieyana, S. & Nur Ain, M.Y (2023). Kepentingan zakat kepada pembangunan ummah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8(53), 406-419.
- Hasan, Z., & Abdullah, N. (2018). Zakat as a social finance instrument to promote sustainable development goals (SDGs). *International Journal of Zakat*, 3(3), 1–9.
- Kato, T., Makino, M., & Ohno, A. (2018). Islamic charity and well-being: The case of zakat in Malaysia. *Asian Journal of Social Science*, 46(4-5), 431–456.
- Khumaini, S., Nurzansyah, M., Samsuri, S., & Ali, K. M. (2023). The Effect of Religiosity, Literacy and Income on Zakah Awareness in Baznas Tangerang City. *International Journal of Asian Business and Management*, 2(4), 387. <https://doi.org/10.55927/ijabm.v2i4.4721>
- Kurnia, Z. N., Mustafida, R., Fauziah, N. N., Subri, N. S., & Faiz, F. A. A. (2020). The Optimalization of Zakat in Achieving Maqashid Sharia. *International Conference of Zakat*. <https://doi.org/10.37706/iconz.2020.237>
- Loveridge, R., Sallu, S. M., Pasha, I. J., & Marshall, A. R. (2020). Measuring human wellbeing: A protocol for selecting local indicators. *Environmental Science & Policy*, 114, 461. <https://doi.org/10.1016/j.envsci.2020.09.002>
- Mahmud, M., & Khalid, M. A. (2021). Addressing multidimensional poverty through zakat-based social protection. *Malaysian Journal of Economic Studies*, 58(1), 1–15.
- Merriam, S. B., & Tisdell, E. J. (2016). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
- Mohamad Sabri Haron & Riki Rahman. (2016). Pengagihan zakat dalam konteks kesejahteraan masyarakat islam: satu tinjauan berasaskan maqasid al-syariah. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 10, 129-140.
- Mohsin, M. I. A. (2020). A Fresh View On Zakah As A Socio-Financial Tool To Promote Ethics, Eliminate Riba And Reduce Poverty. *International Journal of Management and Applied Research*, 7(1), 55). <https://doi.org/10.18646/2056.71.20-004>
- Muhammad, H., Jalil, M.S., Arifin, J., Muhamamd, N.A., Muda, S.M. (2024). Faktor Penentu Pembayaran Zakat Masyarakat Islam di Negeri Terengganu. *Global Journal Al-Thaqafah*, Special Issue (July 2024), 212-227.
- Nik Shahrizan, N.M., Marzudi, M.Y. & Muhammad Shamsinor, A.A. (2021). Aspek dan penilaian kesejahteraan subjektif: Kebahagiaan, kegembiraan, kepuasan dan kualiti hidup. *Jurnal Pengajian Melayu - JOMAS*, 32(2), 94 -111.

- Nur Najmin, N.Z. & Azlina, A. (2021). Kesejahteraan Sosio-ekonomi Komuniti Nelayan di Endau, Mersing, Johor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6 (7), 199 - 207.
- Razali, M., Mohd, N., Ahmad, N. A., Zahid, E. S. B. M., & Ishak, N. N. (2022). Issue and Challenges on Zakat Refund Distribution. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(9).
- Riyaldi, M. H., Suriani, S., & Nurdin, R. (2020). Optimization Zakat for Sustainable Development Goals: Evidence from Baitul Mal Aceh. *International Conference of Zakat*, 339. <https://doi.org/10.37706/iconz.2020.223>
- Sawmar, A. A., & Mohammed, M. O. (2021). Enhancing zakat compliance through good governance: a conceptual framework. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 13(1), 136. <https://doi.org/10.1108/ijif-10-2018-0116>
- Sumai, S., Mutmainnah, A. N., Nurhamdah, & Arsyad, M. (2019). Role of zakat in poverty reduction and food security. *IOP Conference Series Earth and Environmental Science*, 343(1), 12254. IOP Publishing. <https://doi.org/10.1088/1755-1315/343/1/012254>
- Sutrisno, S., & Haron, R. (2022). Zakat contribution model in entrepreneurship empowerment of zakat institutions. *Nusantara Islamic Economic Journal*, 1(2), 142.
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on conducting a systematic literature review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93–112.